

AKADEMI PERCUKAIAN MALAYSIA (APM) RAI 362 ORANG GRADUAN PADA MAJLIS KONVOKESYEN KE-6

Cyberjaya, 21 September 2022 – Majlis Konvokesyen Ke-6 Akademi Percukaian Malaysia (APM) pada hari ini meraikan kejayaan 362 graduan yang telah menamatkan pengajian dalam bidang percukaian. Seramai 323 orang graduan Diploma Lanjutan Percukaian Profesional (DLPP), 11 orang graduan Diploma Lanjutan Perakaunan (DLP) dan 28 orang graduan *Certified Tax Investigator Programme* (CTIP) telah menerima Diploma masing-masing dalam istiadat penganugerahan yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL.

Menurut Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, HASiL sentiasa komited dalam melahirkan modal insan yang berilmu, kompeten dan berkualiti demi kelestarian perkhidmatan percukaian. Hal ini terbukti, apabila APM yang kini menginjak usia 28 tahun telah mengambil pelbagai inisiatif yang progresif dan usaha yang berterusan dalam mengukuhkan kedudukannya sebagai institusi latihan percukaian yang terbaik dan disegani.

APM merupakan sebuah akademi latihan yang dibangunkan khusus untuk merancang dan melaksanakan program latihan bagi melahirkan pegawai HASiL yang cekap dan berkualiti. Kecemerlangan ini terbukti apabila APM telah mencapai *standard* kualiti pendidikan bertaraf dunia menerusi persijilan MS ISO 9001:2015 dan turut diiktiraf sebagai Penyedia Latihan (*Training Provider*) daripada *Human Resource Development Corporation* (HRDC).

Dalam majlis konvokesyen pada kali ini seramai 43 graduan turut menerima Anugerah Akademik manakala Encik Luqman Al Hakim bin Hamidin, Pejabat Pengarah Negeri Pulau Pinang telah menerima Anugerah CEO sekali gus menerima ganjaran sebanyak RM3,000 kerana pencapaian cemerlang beliau.

Turut hadir menyempurnakan majlis ini ialah Timbalan-Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HASiL, Pengarah Jabatan/Negeri, Pengarah-Pengarah Pusat Latihan APM, pegawai akademik dan pegawai-pegawai kanan HASiL.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH**Dikeluarkan Oleh:****Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**


Customer Care Officer: 019-651 1100

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my**Tarikh: 21 September 2022**

Muka surat 2 daripada 3



YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, KPE HASIL sedang menyampaikan ucapan perasmian Majlis Konvokesyen Ke-6 Akademi Percukaian Malaysia (APM). (Gambar di atas)

YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi menyampaikan Anugerah Akademik dan Anugerah CEO kepada Encik Luqman Al Hakim bin Hamidin dari Pejabat Pengarah Negeri Pulau Pinang. (Gambar di bawah)

